

Sesi persekolahan 2013 mungkin ditangguh

PUTRAJAYA – Sesi persekolahan 2013 yang akan bermula pada 1 dan 2 Januari ini mungkin ditangguhkan bagi sekolah-sekolah yang terjejas akibat banjir.

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (Operasi Pendidikan), Sufaat Tumin berkata, keputusan itu akan ditentukan Pengarah Pelajaran Negeri berdasarkan maklumat yang diterima melalui Majlis Keselamatan

Negara dan Bilik Gerakan Banjir Negeri.

“Kita akan lihat keadaan tetapi setakat ini, kita masih belum buat sebarang keputusan kerana ada seminggu lagi sebelum sekolah bermula, mungkin banjir sudah surut dan sekolah dapat berjalan seperti biasa pada masa tersebut,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Sufaat berkata, persiapan yang sepatut-

nya juga sudah diambil bagi memastikan kelengkapan di sekolah tidak rosak akibat banjir termasuk kerusi, meja dan komputer.

Bagi sesi persekolahan kali ini, Sufaat berkata, Kelantan, Terengganu dan Kedah akan memulakan sesi persekolahan pada Selasa depan sementara negeri-negeri lain akan bermula pada Rabu depan.